

Najib digugur daripada senarai saksi pembelaan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Tun Razak tidak akan dipanggil memberi keterangan di Mahkamah Tinggi di sini pada perbicaraan kes rasuah Datin Seri Rosmah Mansor berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di sekolah luar bandar di Sarawak.

Peguam Datuk Jagjit Singh memberitahu, keputusan untuk menggugurkan Najib daripada senarai saksi pembelaan dimuktamadkan pada saat-saat akhir sejour selepas pihak pembe-

laan mengadakan sesi perbincangan yang panjang bermula Sabtu lalu hingga lewat malam kelmarin.

Bekas Perdana Menteri sebelum ini tersenarai sebagai saksi pembelaan ketiga dan dijadualkan memberi keterangan semalam. Beliau bagaimanapun tidak hadir ketika kes disebut di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan.

Jagjit memaklumkan, Najib tidak perlu dipanggil memberi keterangan selepas meneliti ke-

terangan bela diri Rosmah ketika disoal balas oleh pihak pendakwaan.

Ujarnya, keterangan Najib yang bersifat menyokong kes pembelaan sudah dikemukakan ketika Rosmah disoal balas.

Sambil memohon maaf, Jagjit memberitahu pasukan pembelaan telah menyusun semula strategi dan memutuskan untuk menggugurkan Najib daripada senarai saksi pembelaan.

Sehubungan itu perbicaraan akan disambung pada 4 Februa-

ri ini dengan mendengar keterangan saksi pembelaan kedua, Pegawai Khas di Bahagian First Lady of Malaysia (FLOM) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Siti Azizah Sheikh Abod.

Ujar beliau, Siti Azizah yang kini mengerjakan umrah, selesai memberi keterangan pada sesi pemeriksaan utama dan akan disoal balas pada hari tersebut.

Oleh yang demikian, perbicaraan yang dijadualkan sepanjang minggu ini dilapangkan.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Kanan Datuk Seri Gopal Sri Ram memaklumkan terpulang kepada peguam sama ada untuk memanggil Najib atau sebaliknya kerana kini adalah peringkat pembelaan.

Mahkamah sedang mendengar perbicaraan terhadap Rosmah, 70, atas pertuduhan meminta rasuah RM187.5 juta dan menerima RM6.5 juta berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di sekolah luar bandar di Sarawak.